

5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM**  
**KAWASAN : KOTA MELAKA**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 12**

**SOALAN**

**Tuan Sim Tong Him minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-**

- (a) sepuluh negara pelabur asing yang terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan mereka.
- (b) adakah ia benar bahawa juga terdapat banyak pelabur asing yang sedia ada telah berhenti menjalankan operasi mereka atau berpindah ke negara lain. Jika ya, berikan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepuluh negara pelabur asing terbesar di Malaysia berdasarkan jumlah pelaburan yang telah dilaksanakan dalam sektor perkilangan setakat tahun 2016 adalah:

<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>Jumlah Pelaburan (RM bilion)</b>
1	Jepun	88.5
2	Amerika Syarikat	71.9
3	Singapura	39.2
4	Jerman	31.2
5	Belanda	21.6
6	Rep. Korea	17.8
7	Taiwan	16.9
8	China	14.2
9	United Kingdom	9.0
10	Hong Kong	5.5

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa syarikat pelabur asing yang telah memberhentikan operasi mereka atau berpindah ke negara lain terutamanya bagi syarikat berintensif buruh. Walau bagaimanapun, dakwaan bahawa terdapat banyak pelabur asing sedia ada yang telah berhenti menjalankan operasi mereka atau berpindah ke negara lain adalah tidak benar. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2017 misalnya,

7

terdapat hanya lapan buah syarikat majoriti milikan asing dalam sektor perkilangan telah menutup operasi mereka di Malaysia. Antara sebab-sebab penutupan operasi adalah:

- i. keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan syarikat;
- ii. kemunculan teknologi baharu yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada;
- iii. peningkatan dalam kos pengeluaran;
- iv. bekalan bahan mentah yang terhad dan berkurangan;
- v. pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- vi. penstrukturan semula syarikat.

Pada masa yang sama, negara juga terus menerima masuk pelaburan langsung asing bernilai dan berteknologi tinggi selaras dengan sasaran Kerajaan menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Pelaburan langsung asing bernilai tinggi yang diterima daripada pelabur asing sedia ada dalam tempoh Januari hingga Jun 2017 termasuklah oleh Robert Bosch (Malaysia) Sdn. Bhd., B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. dan TF AMD Micro-Electronics Sdn. Bhd. Keyakinan pelabur asing baharu juga dapat dilihat daripada projek-projek baharu yang diluluskan dalam tempoh Januari hingga Jun 2017 seperti JCT Industries Group Sdn. Bhd., Kato Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. dan AJ Biologics Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan pengaliran pelaburan langsung asing bernilai tinggi terus kukuh di Malaysia. Pelaburan bernilai tinggi ini dapat menyediakan akses kepada usahawan tempatan dalam rangkaian bekalan serantau dan global serta peluang pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Bajet 2018 yang baharu sahaja dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017 membuktikan komitmen Kerajaan yang terus memberi keutamaan kepada aktiviti mempromosi pelaburan berkualiti tinggi, termasuk peruntukan bagi dana strategik berimpak tinggi dan galakan cukai kepada aktiviti-aktiviti strategik.